

IKM / KKTM

Menjana Tenaga Kerja Berkemahiran Tinggi

Pengarah Bahagian Pendidikan dan Latihan (Kemahiran), Tuan Haji Abd Rahim bin Hashim membuat kenyataan berhubung peluang melanjutkan pelajaran di Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM).

Arus perkembangan teknologi terkini yang sentiasa berubah memerlukan kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi, berinovasi dan berpengetahuan. Usaha untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran ini telah didukung oleh MARA sejak tertubuhnya Institusi Kemahiran MARA pertama di Jalan Hang Melaka 1968. Seterusnya pada tahun 1995, kursus kemahiran

tahap diploma telah diperkenalkan oleh MARA di IKM Petaling Jaya dalam bidang elektronik.

Kini program tahap diploma ini telah diperluaskan dengan tertubuhnya Kolej Kemahiran Tinggi MARA yang memberi fokus kepada industri bakal muncul seperti mikroelektronik, advance manufacturing dan oil and gas selain daripada kursus-kursus sedia ada seperti automatif, awam, elektrik,

**Tuan Haji Abd
Rahim bin
Hashim**

elektronik, mekanikal serta seni reka bentuk. MARA memberi fokus untuk melahirkan pelatih yang kompeten serta mempunyai keupayaan untuk muncul sebagai bakal usahawan tekno, tenaga kerja mahir bertaraf dunia dan pakar dalam bidang yang mereka ceburi. Kepakaran ini akan dipupuk melalui enrichment programmes iaitu program pengkayaan di mana para pengajar dan pelatih dapat meningkatkan kompetensi kemahiran dengan diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (master craftsmen).

Untuk mencapai hasrat ini, MARA telah pun mempunyai 12 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) dan 8 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dalam pelbagai bidang kemahiran. Ini tidak termasuk 6 buah lagi institusi kemahiran yang sedang dalam pembinaan. Antara Kolej-kolej Kemahiran Tinggi MARA yang baru beroperasi pada sesi pengambilan yang lepas adalah KKTM Rembau (Creative Design), KKTM Alor Gajah (Material Processing), KKTM Kuantan (Advance Manufacturing), KKTM Seri Gading (Advance Construction) dan KKTM Beranang (Micro Electronic).

Sebanyak 19 kursus Sijil Kejuruteraan dan 27 Sijil Teknologi telah diperkenalkan oleh MARA di mana tempoh latihan selama 24 hingga 36 bulan bergantung kepada kursus yang dipohon. Manakala di peringkat Diploma pula, sebanyak 37 kursus dalam pelbagai bidang dijalankan dengan tempoh latihan selama 36 bulan atau enam semester. Sejak memulakan operasi lebih 4 dekad yang lalu, IKM/KKTM telah berjaya melahirkan seramai 107,267 orang pelatih dalam pelbagai bidang kemahiran.

Untuk memastikan kebolehpasaran anak-anak didik MARA, fokus utama yang diberikan dalam menggubal kurikulum adalah menepati kehendak dan keperluan industri. Para pelatih

juga diwajibkan untuk mengikuti latihan industri selama 6 bulan semasa pengajian mereka di IKM/KKTM. Dalam masa yang sama, MARA juga akan memperkenalkan kursus-kursus baru untuk memastikan anak-anak Bumiputera dapat terlibat dalam bidang-bidang termaju dan kritikal yang diperlukan oleh negara.

Sebagai usaha untuk terus memberi peluang kepada anak-anak Bumiputera, MARA akan membuka pengambilan untuk sesi Januari 2010 dan mereka yang berminat boleh membuat permohonan sama ada melalui on-line di www.ekemahiran.edu.my atau pun mendapatkan borang-borang permohonan di Pejabat-pejabat MARA Negeri, IKM dan KKTM di seluruh negara. Sebanyak 4,000 tempat peringkat sijil dan diploma sedia menanti pemohon dalam pelbagai bidang teknikal. Para pelatih akan diberikan latihan secara hands-on dengan kurikulum sejajar dengan perkembangan aplikasi teknologi dalam industri.

Para pelajar di IKM dan KKTM juga tidak perlu risau mengenai yuran mahu pun perbelanjaan harian kerana lanya ditanggung sepenuhnya oleh pihak MARA. Ini kerana matlamat MARA adalah untuk melahirkan seramai mungkin tenaga kerja berkualiti tinggi serta memberi peluang kepada anak-anak Bumiputera melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang kritikal yang diperlukan oleh negara.

